

21 JUN 2001

Mahathir-MCA

DR MAHATHIR BAGI LAMPU HIJAU KEPADA MCA BELI NANYANG PRESS

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata beliau memberi lampu hijau kepada MCA untuk mengambilalih Nanyang Press Holdings Berhad.

Bagaimanapun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau memberitahu Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik supaya MCA, melalui sayap pelaburannya Huaren Holdings Sdn Bhd, menjual sebahagian daripada sahamnya.

"Saya memberi lampu hijau kepadanya (Dr Ling) untuk membeli tetapi saya juga mengingatkan beliau supaya menjual sebahagian daripada sahamnya dan tidak memiliki keseluruhannya," katanya ketika menjawab satu soalan pada persidangan akhbar di akhir hari pertama Persidangan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, diminta menjelaskan laporan akhbar yang memetik Dr Ling sebagai berkata bahawa Perdana Menteri telah memberikan kebenaran kepada MCA untuk mengambilalih Nanyang Press Holdings.

Kontroversi membabitkan pengambilalihan Nanyang Press Holdings Berhad, yang menerbitkan akhbar Nanyang Siang Pau dan China Press, oleh Huaren Holdings telah menimbulkan perselisihan antara pemimpin parti dan masyarakat Cina.

MCA kini menawarkan 72 peratus pegangan dalam Nanyang Press Holdings kepada pembeli yang menawarkan harga tertinggi.

Perdana Menteri berkata adalah menjadi hak MCA untuk mengambilalih akhbar-akhbar memandangkan tidak ada undang-undang di negara ini yang menghalang parti politik berbuat demikian.

"Ini adalah hak MCA. Mereka mahu membeli akhbar dan mereka berhak berbuat demikian. Jika mana-mana parti mahu membeli sesebuah syarikat akhbar, tidak ada undang-undang di negara ini yang menyekat pembelian itu.

"Bagaimanapun saya ada memberitahu mereka yang mungkin akan timbul reaksi tertentu yang tidak menyokong pengambilalihan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata MCA lagipun telah menjelaskan bahawa mereka bersedia menjual sebahagian daripada pegangan mereka kemudian.

"...jadi saya tidak nampak kenapa timbulnya rasa kurang senang terhadap perkara ini..." kata Dr Mahathir.

Di IPOH, pemimpin-pemimpin MCA yang tidak bersetuju dengan pembelian Nanyang Press Holdings enggan mengulas kenyataan Dr Mahathir.

Timbalan Presiden Datuk Lim Ah Lek dan naib presiden Datuk Chua Jui Meng yang mengetuai kumpulan yang menentang pembelian itu berkata mereka perlu menentusahkan kenyataan itu terlebih dahulu.

"Kami tidak tahu (mengenai kenyataan itu). Kami perlu melihat apa yang dikatakan...kami mahu menentuskannya terlebih dahulu," kata Chua selepas perjumpaan dengan anggota MCA Perak malam tadi.

Turut hadir pada perjumpaan itu ialah seorang lagi naib presiden Datuk Chan Kong Choy.

-- BERNAMA

AR MOZ